



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN SOHELP KEBANGSAAN 2018 &
PELANCARAN SOHELP FASA 3**

Bandar Baru Bangi, 16 Julai – YBrs Ir. Omar bin Mat Piah, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia telah merasmikan Konvensyen SoHELP Kebangsaan 2018 dan melancarkan program SoHELP Fasa 3 di NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Konvensyen SoHELP 2018 ini dianjurkan bagi menghimpunkan seramai 272 syarikat yang memberikan komitmen serta kerjasama dalam melaksanakan program SoHELP di seluruh Negara. Tujuannya adalah bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu ergonomik dan kesihatan pekerjaan serta berkongsi maklumat dan kejayaan para peserta menjayakan program SoHELP di tempat kerja.

Dalam usaha Kerajaan mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat, semua pihak samada pekerja, majikan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu bersama-sama menjalankan program dan aktiviti yang menyumbang ke arah pengurangan kemalangan dan penyakit pekerjaan. Inisiatif seperti program SoHELP ini adalah selari dengan prinsip peraturan sendiri atau *self regulation* yang menjadi teras Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Dalam perkembangan lain pada tahun 2017, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak 269,877 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Selain itu sebanyak 5,774 pemeriksaan kesihatan telah dijalankan di tempat kerja di seluruh Negara. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 23,006 notis telah dikeluarkan, 1,028 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 324 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh Ir. Zailee bin Dollah, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan) JKKP, En. Ayub bin Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH, dan Pengurusan Tertinggi JKKP.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
16 Julai 2018**